

Hadi tetap ramal pilihan raya sebelum Okt.

7 FEB 2003

KUALA TERENGGANU 6 Feb. — Pas tetap meramalkan pilihan raya umum akan datang bakal diadakan sebelum Oktober ini walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan sebaliknya.

Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, ia berasaskan kepada perkembangan dan isu-isu semasa yang berlaku di dalam negara.

“Kita percaya begitu, melainkan Barisan Nasional (BN) berpendapat kedudukannya masih belum kukuh untuk mengadakan pilihan raya sebelum Oktober ini kerana masa-

lah dalaman parti,” katanya ketika ditemui di sini, hari ini

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri yang menolak spekulasi bahawa beliau akan mengadakan pilihan raya umum sebelum meletakkan jawatan pada Oktober ini.

Sebaliknya Perdana Menteri menegaskan, tarikh pilihan raya umum akan datang akan diputuskan oleh pengganti beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kenyataan terbaru Dr. Mahathir itu menamatkan spekulasi yang menyatakan beliau akan memanggil

pilihan raya sebelum bersara selepas menyandang jawatan Perdana Menteri selama 22 tahun.

Abdul Hadi berkata, sekiranya BN merasakan ia berada di dalam kedudukan yang kuat dan boleh menjamin kemenangannya, pilihan raya patut diadakan sebelum tempoh Perdana Menteri meletakkan jawatan.

“Bagi saya kenyataan Perdana Menteri ini bukan satu keputusan dan selalunya saya baca apa yang dinyatakan oleh Dr. Mahathir ini secara terbalik, jadi saya meramalkan pilihan raya akan diadakan sebelum Oktober ini,” katanya.